

# **OPTIMA GT EKSPRESI PRESTASI KIA**

Model generasi ke-4 lebih kontemporari **b.2**

## **Kia Optima GT lebih optimum**

Tampil lebih sporty, agresif dan berkuasa

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
[zaky@bh.com.my](mailto:zaky@bh.com.my)

**N**aza Kia Malaysia, pengedar rasmi kendaraan Kia di negara ini, memperkenalkan Kia Optima GT serba baharu bagi pasaran tempatan.

Generasi keempat Kia Optima itu hanya boleh didapati di negara ini dalam varian GT.

Kia Optima GT ditaruh dengan reka bentuk lebih agresif, sporty, dengan gril hadapan Dot Array Mesh Satin Chrome, bampar

hadapan lebih sporty dan bampar belakang baharu.

"Apa yang anda saksikan daripada Kia ialah ekspresi prestasi dan gaya kontemporari," kata Ketua Pegawai Operasi Naza Corporation Holdings Sdn Bhd, Datuk Samson Anand George pada majlis pelancaran model

terbaru itu di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Transmisi enam kelajuan Kia Optima GT baharu ini menggunakan enjin petrol turbocaj Theta II 2.0 T-GDI dengan transmisi enam kelajuan yang mampu menghambur 242 kuasa kuda (hp) pada 6,000rpm dengan tork puncak 350Nm daripada hanya 1,400rpm.

Prestasi jentera ini menjadikan Kia Optima GT antara kendaraan paling berkuasa dalam kelasnya dan seberis beberapa sedan Eropah berkuasa tinggi.

Dengan unit kuasa yang agresif, Kia Optima GT boleh memecut 0-100km/j hanya dalam 7.4 saat, manakala penggunaan bahan api pula pada 8.5 liter bagi 100 kilo-

meter secara keseluruhan.

Model terbaru Kia ini diperkemas dengan enam beg udara, dua di hadapan, dua di bahagian sisi, selain beg udara tirai.

Raih 5 bintang

Kia Optima GT baharu ini meraih 5 bintang pada ujian

EuroNCAP; 5 bintang di ASEAN NCAP; 5.1 bintang di US NCAP dan meraih penarafan gred pertama di ujian Korean NCAP.

Terdapat banyak lagi ciri dalaman canggih seperti skrin TFT LCD 7-inci bagi sistem hiburan yang turut menampilkan penyambungan MP3, MP4, Bluetooth dan iPod.

Kia Optima GT dijual pada harga RM179,888 seunit di atas jalan termasuk insurans.